

Pegawai junior gerakkan Bank Islam sehingga berkembang

Sambutan masyarakat termasuk bukan Islam di luar jangkaan

Ketika dilantik sebagai Pengarah Urusan Bank Islam Berhad yang pertama pada 1983, Datuk Dr Abdul Halim Ismail hanyalah ‘pegawai junior’ bank yang mempunyai latar belakang dalam bidang ekonomi dan pendidikan Islam. Tetapi, pengalamannya mengasaskan Jabatan Ekonomi Universiti Kebangsaan (UKM) dan berkhidmat di Bank Bumiputera dalam bidang perbankan dan penyelidikan menyebabkan beliau diberi kepercayaan penuh mengemudi bank berasaskan Islam yang pertama di Malaysia. Ikuti wawancara wartawan BH, MONA AHMAD dengan tokoh yang baru-baru ini yang menjadi rakyat pertama Malaysia menerima Anugerah Diraja Kewangan Islam mengenai pengalamannya mengasaskan bank itu.

Wartawan (S): Bolehkan Datuk ceritakan serba sedikit pembabitan Datuk dalam bidang perbankan?

Datuk Dr Abdul Halim Ismail (J): Sebaik pulang selepas menamatkan pengajian dalam Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Oxford England pada 1970, saya berkhidmat sebagai pensyarah di UKM yang kampusnya di bangunan Maktab Perguruan Lembah Pantai selama lima tahun. Saya ditugaskan untuk menubuhkan Jabatan Ekonomi dalam Fakulti Sastera. Selepas itu, UKM berpindah ke Bangi, saya pun berhenti. Ramai yang tanya mengapa berhenti. Jawapan saya, bidang akademik ini seronok, tetapi hanya membabitkan teori dan bersyarah, tidak membabitkan praktikal.

Saya kemudian menyertai syarikat perundingan ekonomi yang dimiliki rakan karib. Itu pun tidak lama selama dua tahun. Di syarikat itu, kami menyediakan kajian keupayaan ekonomi yang diminta kerajaan dan Bank Dunia. Pada tahun 1977, saya berhenti dan menyertai Bank Bumiputera dengan jawatan Ketua Ahli Ekonomi dan Pengurus Besar Bahagian Penyelidikan.

S: Sejak bilakah idea mengenai penubuhan Bank Islam ini tercetus?

J: Sejak pertengahan tahun 1970-an hingga 1980, Bank Islam sudah mula

ditubuhkan di Asia Barat termasuk di Dubai, Bahrain, Sudan dan Mesir. Begitu juga Bank Pembangunan Negara Islam (IDB) juga digerakkan berpangkalan di Jeddah. Bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra turut ditugaskan sebagai Pengerusi sektor tertentu dalam bank itu dan beliau berkenalan dengan pihak yang rapat dengan urusan bank, antaranya anak pemerintah Arab Saudi ketika itu, Putera Faisal.

Dari sinilah timbul ura-ura mengenai pembukaan Bank Islam di Malaysia pada tahun 1981. Kedua-dua mereka rapat dengan PERKIM. Melalui PERKIM mereka datang mendapatkan pandangan untuk menuju Bank Islam. Antara badan yang dikenal pasti adalah Tabung Haji.

Apabila Tabung Haji dikenal pasti untuk menguruskan penubuhan Bank Islam, ia kemudian menubuhkan jawatankuasa bagi mengkaji penubuhan Bank Islam pada peringkat swasta. Saya bersama beberapa lagi pegawai daripada beberapa bank turut dijemput menyertai jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini tiada kuasa. Tabung Haji mengeluarkan satu resolusi meminta kerajaan menubuhkan jawatankuasa secara rasmi dan Perdana Menteri ketika itu Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju. Jawatankuasa itu dikenali sebagai Jawatankuasa Pe-


mandu untuk Penubuhan Bank Islam.

S: Siapakah antara barisan pakar yang menganggotai jawatankuasa itu?

J: Jawatankuasa Pemandu untuk Penubuhan Bank Islam dipengerusikan oleh Allahyarham Tun Raja Mohar Raja Badiozaman (Setiausaha di Jabatan Perdana Menteri) dan Timbalan Pengerusinya, Tan Sri Abdul Aziz Taha (Gabenor Bank Negara). Mereka adalah orang kerajaan yang ada kuasa. Ahli dibahagi tiga kumpulan. Kumpulan pertama adalah pegawai bank yang terdiri daripada pengerusi dan pengarah urusan bank terkemuka yang ada di Malaysia termasuk Malayan Banking (Tan Sri Jaafar Hussein), Arab Malaysian Development Bank (Tan Sri Azman Hashim), UMBC (Mohamad Taib), Bank Pembangunan, Bank San Hwa dan beberapa lagi. Kumpulan kedua pula terdiri daripada ahli syariah yang juga bekas mufti termasuk Mufti Wilayah Persekutuan, Tan Sri Sheikh Abdullah Mohsein Salleh. Kumpulan ketiga pula terdiri daripada pakar perundangan yang diketuai Allahyarham Tan Sri Ahmad Ibrahim. Ketika itu, saya hanyalah pegawai junior. Saya diarahkan menyertai jawatankuasa itu oleh Pengerusi Bank Bumiputera ketika itu, Tan Sri Kamarul Ariffin. Mungkin beliau pilih saya kerana tahu latar belakang saya dari sekolah agama.


S: Apakah antara tugas pertama yang dilaksanakan dalam merangka penubuhan Bank Islam itu?


J: Oleh kerana Bank Islam sudah ada di Asia Barat. Kita melawat negara yang



**Dr Abdul Halim Ismail,
Bekas Pengarah Urusan Bank Islam Berhad**

“
Inilah yang menunjukkan konsep yang ditawarkan Islam dapat diterima semua pihak. Ia adalah perkara baik. Satu daripada aspek penyatuan pemikiran antara orang Islam dan bukan Islam dalam bidang ini. Ia tidak menjelaskan apa-apa termasuk dari segi ekonomi, malah ia lebih baik”





Bank Islam beroperasi berlandaskan syariat.

ada Bank Islam dan mempelajari apa yang dibuat serta mendapatkan penerbitan mereka. Satu kitab yang dibawa balik dari Mesir yang dikenali sebagai *Almausuh* iaitu kamus termasuk produk dalam perbankan Islam. Ia bukanlah yang lengkap, tetapi cukup untuk menjadi asas meletakkan produk. Antara perkara yang mula dilaksanakan adalah merangka struktur bank, operasi bank dan akta perbankan Islam. Ahmad Ibrahim merangka Akta Perbankan Islam.

S: Bolehkah Datuk ceritakan detik awal pemilihan sebagai Pengarah Urusan Bank Islam?

J: Awal tahun 1983, jawatankuasa ini berjumpa Perdana Menteri di pejabatnya di Parlimen. Saya ingat, masa pertemuan itu pada jam 11 pagi hari Jumaat. Laporan dikemukakan kepada PM. Saya rasa dia sudah baca draf itu. Kemudian PM tanya siapa nak mengetuai bank ini. Semua yang hadir saling pandang memandang dan mereka tunjuk ke arah saya. Semua yang hadir adalah mereka yang menjawat jawatan tinggi dalam institusi perbankan negara. Saya saja yang pegawai junior. Selepas solat Jumaat, saya dengar berita dalam radio mengumumkan Parlimen meluluskan penubuhan Bank Islam dan PM melantik saya sebagai Pengarah. Saya sangat terkejut. Rentetan daripada itu, Lembaga Pengarah sepenuhnya bank itu dilantik dan saham dikumpulkan. Ia mencapai RM80 juta. Ketika itu, dengan jumlah sebanyak itu ia dikira sangat besar. Lebih daripada separuh dimiliki kerajaan diikuti Tabung Haji, majlis agama negeri dan pihak lain.

S: Mewujudkan satu bank yang belum pernah ada sistem seumpama itu di negara ini tentunya sukar. Tanpa rujukan khusus dari mana-mana bank dalam negara, apakah tugas awal yang dilakukan?

J: Tugas pertama saya adalah menyediakan kumpulan pengurusan, kemudian kakitangan. Tiada jalan lain saya terpaksa merekrut kakitangan dari bank sedia ada yang mempunyai kelekapan dalam bidang masing-masing. Kita merekrut seorang dua dari Bank Bumiputera, Maybank, Bank San Hwa, Bank Tokyo, Bank UMBC dan Bank Perwira Habib. Dalam dua bulan saya ada kumpulan pengurusan yang lengkap seramai 15 orang. Kakitangan pula kira-kira 30 orang. Tetapi masalah adalah mereka semua dari bank konvensional. Kami terpaksa melantik pegawai syariah yang pandai dalam bidang ini sebagai kakitangan kami. Lemba Pengarah juga melantik Jawatankuasa Syariah bank.

Semua bahagian berbincang dengan pegawai syariah dan menyediakan manual berdasarkan sistem kewangan Islam. Misalnya, pegawai yang mahir dalam akaun semasa mengadakan perbincangan dengan pegawai syariah dan menyediakan manual untuk sistem kewangan Islam contohnya akad dan akaun syariah al Wadiyah.

Manual ini dibawa dalam mesyuarat mingguan pasukan pengurusan untuk mengemas kinikan manual itu. Ia mengambil masa kira-kira empat bulan. Akhirnya, kami dapat manual yang tidak berapa lengkap mengenai produk bank. Apabila kita mahu memulakan operasi, latihan diberikan kepada kakitangan berdasarkan manual yang disediakan ini. Pada satu hari, seorang ahli jawatankuasa tertinggi lembaga pengarah melawat bank yang ibu pejabatnya di bangunan Tabung Haji Kelana Jaya. Dia melihat latihan diadakan dan turut melihat manual itu.

Beliau terkejut apabila diberitahu manual itu disediakan pihak Bank Islam sendiri sedangkan ketika itu jika muh membuka bank lazimnya kita gunakan manual bank terbaik dunia yang ketika itu iaitu Bank of America. Kita tidak boleh merujuk kepada manual bank konvensional kerana bank ini operasinya berbeza. Latihan demi latihan akhirnya kita berjaya membuka cawangan pertama di Jalan Raja Laut (kini sudah ditutup) pada pertengahan 1983. Jadi, dalam masa setahun selepas pelantikan saya, Bank Islam dibuka pada 1 Julai 1983 dan dirasmikan oleh Tun Dr Mahathir. Sebelum itu, Parlimen sudah meluluskan Akta Kewangan Islam. Tahun yang sama, kita buka tiga cawangan di Alor Setar, Kota Bharu dan Kuala Terengganu. Selepas itu, kita buka empat hingga lima cawangan setahun.

S: Bagaimakah penerimaan ma-

Syarakat terhadap sistem kewangan Islam ketika itu. Adakah mereka meletakkan kepercayaan kepada sistem ini?

J: Sambutan terhadap sistem perbankan Islam ketika itu di luar jangkaan terutama dalam kalangan umat Islam.

Saya pusing rata satu Malaysia memberikan ceramah. Kadangkala dijemput, kadangkala kita tidak dijemput, tetapi kita memberikan maklumat. Ada masa kita dijemput dalam seminar dan persidangan untuk merangkap mengenai sistem kewangan Islam. Dari segi media, Alhamdulillah, mereka memberikan sokongan padu. Hampir setiap hari mereka bertanyakan apakah berita

Bank Islam. Pada tahun pertama, kita meraih keuntungan yang kecil. Selepas itu berterusan buat keuntungan, kadangkala besar, kadangkala berpatutan.

Sebenarnya, umat Islam di negara ini memunggu cara untuk keluar daripada belenggu riba dan perkara lain yang ditegah agama. Mereka mahu masuk bidang pembangunan. Dahulu, tidak boleh kerana ada riba dan gharar (kontrak yang tidak pasti ternanya). Kita cuba ketepikan riba dan ghahar dan kemukakan perkara suci dari kehendak agama yang pada masa sama memenuhi kehendak ekonomi. Jadi, dengan ini umat Islam boleh menceburi ekonomi pada masa sama mendapat keredaan Allah.

S: Bagaimana pula sambutan dalam kalangan mereka yang bukan Islam?

J: Satu kejutan yang besar kepada saya mengenai penyertaan orang bukan Islam. Apabila mula membuka Bank Islam, apabila ditanya objektifnya adalah untuk melepaskan orang Islam daripada riba. Kita menumpukan kepada kehendak orang Islam. Bagi orang bukan Islam pula, jika mereka datang kita terima.

Selepas 20 ke 30 tahun ini, penyertaan orang bukan Islam sangat mendadak dari dalam dan luar negara. Dari luar negara, apabila kita terbitkan sukuk, orang bukan Islam yang banyak membeli, menjual atau memegangnya. Sebenarnya, jika kita buat dengan elok-elok aspek yang diajar Islam, seluruh umat manusia akan menerimanya.

S: Apa pendapat Datuk mengenai trend yang kebanyakan bank konvensional negara ini yang turut menawarkan perbankan Islam? Adakah ia sesuatu yang positif atau sebaliknya?

J: Inilah yang menunjukkan konsep yang ditawarkan Islam dapat diterima semua pihak. Ia adalah perkara baik. Satu dari aspek penyataan pemikiran antara orang Islam dan bukan Islam dalam bidang ini. Ia tidak menjelaskan apa-apa termasuk dari segi ekonomi, malah ia lebih baik.

Syor wujud Baitul Sadaqah manfaat kebajikan ummah

D aripada Abu Hurairah meriwayatkan Bapinda SAW berkata: "Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah amalannya melainkan tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakannya kelak."

Dalam hal ini, alangkah beruntungnya jika kita ada ketiga-tiga 'pencen' kubur' yang diutarakan Rasulullah.

Bagaimanapun, jika dirujuk hadis ini, tidak semua daripada kita mempunyai ilmu agama yang boleh manfaatkan melainkan mereka yang berkhidmat dalam bidang dakwah atau mengajar ilmu agama. Sama juga, tidak semua orang mempunyai anak soleh yang boleh mendoaakannya kelak.

Jika dilihat amalan sedekah jariah pula, kebanyakannya menerusi tanah atau bangunan yang didermakan menerusi kaedah wakaf.

Misalnya, jika mempunyai tanah atau bangunan diwakafkan menerusi majlis agama. Sama ada dibina masjid dan sebagainya. Bagi bangunan pula, sewanya digunakan untuk manfaat orang miskin.

Bagaimanapun, ia hanya boleh dilakukan pihak tertentu terutama yang mempunyai tanah atau harta. Bagi orang biasa, tentunya masih mencari kaedah sesuai untuk melakukan sedekah jariah dengan lebih sistematik.

Tawar produk berdasarkan sedekah

Dalam hal ini, tokoh perbankan Islam negara, Datuk Dr Abdul Halim Ismail, dalam syarahan umumnya sempena penganugerahan Anugerah Diraja Kewangan Islam 2014, mencadangkan supaya pihak perbankan Islam mewujudkan Sadaqah House atau Baiful Sadaqah dengan menawarkan produk berdasarkan sedekah yang membolehkan orang ramai menyertainya.

"Apabila berbicara mengenai ekonomi Islam, ia terbahagi kepada tiga sektor iaitu Siasi (kerajaan), Tijari (swasta) dan Ijtimaai (kebajikan sosial). Sekarang ini, pihak perbankan Islam hanya tawarkan produk untuk sektor kerajaan dan swasta.

"Belum ada pihak perbankan Islam yang membangunkan produk untuk sektor kebajikan sosial atau dalam bahasa mudah untuk golongan fakir miskin.

"Islam adalah menyeluruh, bukan sebahagian. Sudah tiba masa, selepas kita membangunkan produk perbankan Islam untuk sektor kerajaan dan swasta, kita bangunkan pula produk untuk sektor kebajikan sosial. Kumpulan sasar adalah golongan fakir miskin," katanya.

Katanya, menerusi Baitul Sadaqah ini, pihak bank boleh menerima wang serendah RM10 misalnya, tetapi akad adalah untuk sedekah dan hibah sepanjang masa (jariah).

"Ia tidak boleh diambil balik. Wang itu dilaburkan secara Islam dan keuntungannya dimanfaatkan kepada kumpulan sasar.

"Saya cadangkan ia dilaksanakan seperti syarikat takaful dan perlu mendapat lesen dari Bank Negara. Justeru, ia dikawal dan boleh mengelakkan daripada ketirisan daripada berlaku," katanya.